



ANWAR IBRAHIM perlu dilantik sebagai menteri Kabinet sebelum Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepadanya sebagaimana yang telah dijanjikan sebelum PRU-14. - UTUSAN

Lantik Anwar menteri Kabinet

SAUDARA PENGARANG.

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti memberikan bayangan dalam beberapa ucapannya bahawa beliau berkemungkinan akan terus memimpin negara sekurang-kurangnya dua tahun lagi dan ramai meramalkan bahawa mungkin juga hingga sampai tempoh sehingga habis sepenggal pemerintahan PH sebelum diadakan PRU-15 nanti.

Alasan yang diberikan untuk memulihkan kerajaan agar kembali stabil serta dapat mencapai kedudukan negara Malaysia menuju negara maju. Perkara itu dilihat ada logiknya juga dan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum serta etnik ini mengalu-alukan hasrat Perdana Menteri itu asalkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat ini tercapai.

Untuk mengukuhkan lagi kesepakatan kerjasama yang erat antara parti komponen PH, adalah dicadangkan supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik menteri Kabinet yang baharu.

Ini memandangkan beliau seorang tokoh yang berwibawa dan mampu memegang jawatan yang dicadangkan itu sebelum diserahkan jawatan Perdana Menteri kepadanya sebagaimana yang telah dijanjikan sebelum PRU-14.

Menteri yang disyorkan yang agak sesuai untuk diberikan kepada beliau ialah Menteri Perpaduan Negara. Dalam masa yang sama biarlah isteri Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri berikutan komitmen serta kecemerlangan dalam menjalankan tugas.

Dengan adanya Anwar dalam Kabinet, tidak timbul lagi spekulasi ataupun berbagai tohmahan yang dilemparkan terutama sekali daripada parti pembangkang yang tidak senang duduk selepas tewas PRU-14 lalu.

Begitu juga berkemungkinan kegelisahan dalam kalangan ahli PKR sendiri akan terjawab.

**SYED ABDULLAH
SYED OSMAN**
Ampangan